

SULIT
1249/1
Sejarah
Kertas 1
Ogos
1 jam

**PEPERIKSAAN PRASPM
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH
2013**

SEJARAH

Kertas 1

1 jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A,B,C**, dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

1. Maklumat berikut berkaitan dengan sistem tulisan Tamadun Hwang Ho.

Pada peringkat awal, tulisan ini mempunyai gambar seperti kanak-kanak, bulan, matahari dan sungai.

Apakah nama sistem tulisan tersebut ?

- A Hieroglif
 - B Cuneiform
 - C Ideogram
 - D Piktograf
2. Kerajaan Mesir Purba mewujudkan sistem pendidikan untuk kanak-kanak daripada keluarga atasan. Mereka diberi pendidikan sejak dari umur yang rendah. Apakah tujuan pendidikan dalam kerajaan Mesir Purba ?
- A Memajukan ekonomi negara
 - B Melahirkan pegawai kerajaan
 - C Memantapkan institusi agama
 - D Melahirkan pemimpin yang bijaksana



3. Gambar di atas adalah sebuah tempat mandi awam yang dibina di bandar Harappa dalam Tamadun Indus. Apakah faktor utama yang mendorong kemajuan seni bina dalam tamadun tersebut ?
- A Kemahiran ilmu geometri
 - B Pemerintah yang kuat
 - C Kegiatan keagamaan
 - D Tenaga buruh yang ramai
4. Manakah di antara kenyataan berikut adalah berkenaan Tamadun Yunani ?
- I Berkembang di kawasan Bukit Palatine, berhampiran Sungai Tiber di Lembah Latium
 - II Athens merupakan negara kota terbesar dalam tamadun Yunani
 - III Sparta mengamalkan sistem pemerintahan tentera
 - IV Kuasa tertinggi terletak pada dua orang konsul yang dilantik oleh Dewan Senat


- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

5. Maklumat berikut adalah berkenaan Perang Kalinga.

Perang ini berlaku pada tahun 261 S.M. Seramai 100,000 orang telah terkorban dan 150,000 orang tercedera di dalam peperangan ini.

Apakah tindakan Maharaja Asoka selepas peperangan ini ?

- A Meneruskan dasar penaklukan ke atas kerajaan-kerajaan yang berhampiran
- B Menghapuskan pengaruh golongan Brahmin dalam pentadbirannya
- C Meluaskan ajaran agama Hindu ke seluruh empayarnya
- D Memeluk agama Buddha dan mengembangkan ajaran tersebut



Socrates

Tokoh di atas dianggap sebagai Bapa Falsafah Barat. Beliau merupakan seorang pakar dalam perbincangan melalui kaedah soal jawab. Tetapi beliau telah dijatuhkan hukuman bunuh dengan cara meminum racun.

6. Mengapakah beliau dijatuhkan hukuman tersebut ?

- A Dituduh merosakkan pemikiran rakyat
- B Enggan patuh kepada arahan raja
- C Memimpin rakyat melakukan pemberontakan
- D Mendakwa dirinya lebih berkuasa daripada raja

7. Andaikan kamu ialah seorang tukang kayu di sebuah kerajaan maritim dalam tamadun awal di Asia Tenggara. Dari manakah kamu boleh memperolehi kayu yang baik untuk membina kapal dan rumah ?

- A Angkor
- B Burma
- C Champa
- D Srivijaya

8. Kerajaan Angkor merupakan kerajaan agraria yang kuat dan agung di Asia Tenggara. Apakah faktor utama yang membolehkan kerajaan Angkor mencapai status demikian ?
- A Memiliki angkatan tentera yang besar
 - B Mempunyai penduduk yang ramai
 - C Terletak berhampiran dengan Tasik Tonle Sap
 - D Mempunyai tanah-tanah yang subur

Carta masa di bawah berkenaan jangka masa zaman Jahiliah.

← ZAMAN JAHILIAH →			
Tarikh	300M	570M	610M
Peristiwa	Pecahnya Empangan Maarib	Kelahiran Nabi Muhammad s.a.w	Turunnya wahyu kepada Nabi Muhammad s.a.w dan bermulalah zaman Islam

9. Apakah punca keruntuhan Empangan Maarib ?
- I kejadian gempa bumi
 - II kekuatan agama Islam
 - III kejadian banjir besar
 - IV kelalaian pemimpin Sabak
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
10. Maklumat berikut menggambarkan keburukan amalan semangat assabiah yang telah menjadi amalan masyarakat Arab Jahiliah.

Peperangan al-Basus berlaku selama 40 tahun antara Bani Bakar dengan Bani Taghlib semasa zaman Jahiliah. Peperangan ini berlaku disebabkan oleh tindakan seorang ahli Bani Bakar membunuh seorang ahli Bani Taghlib.

Apakah keburukan tersebut ?

- A Mereka sanggup berperang walaupun atas sebab yang kecil
- B Mereka sanggup berperang untuk mempertahankan maruah diri
- C Mereka sentiasa patuh dan akur kepada perintah pemimpin
- D Mereka tidak mahu menyelesaikan masalah melalui rundingan

11. Orientalis Barat mentafsirkan hijrah sebagai suatu pelarian.
Apakah hujah yang dapat menyangkal pendapat orientalis Barat ini ?

- I Penghijrahan orang Islam ke Madinah adalah atas jemputan orang Arab Madinah
- II Ketibaan orang Islam Makkah telah disambut dengan rela dan meriah
- III Nabi Muhammad s.a.w tidak mahu meneruskan dakwah baginda di Makkah
- IV Orang Islam tidak mahu berperang dengan orang Arab Quraisy Makkah

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

12. Maklumat berikut merupakan peristiwa yang membawa kepada Perjanjian Hudaibiyah.

Kedatangan orang Islam Madinah ke Makkah telah disekat oleh orang Arab Quraisy di Hudaibiyah. Uthman bin Affan telah dihantar ke Kota Makkah untuk berunding.

Mengapakah Nabi Muhammad s.a.w memilih Uthman bin Affan untuk berunding dengan orang Arab Quraisy ?

- A Beliau merupakan sahabat Nabi Muhammad s.a.w yang paling bijak
- B Beliau satu-satunya wakil Islam yang dipersetujui oleh Arab Quraisy
- C Beliau mempunyai hubungan kekeluargaan dengan pemimpin Arab Quraisy
- D Beliau memiliki sifat lemah lembut dan bertolak ansur

13. Apakah yang mendorong Khalifah Abu Bakar al-Siddiq menghimpunkan tulisan ayat al-Quran pada batu, kulit binatang, kayu dan tulang serta menyalinnya semula ?

- A Penerimaan wahyu Allah
- B Mematuhi arahan Nabi Muhammad s.a.w
- C Kematian ramai hafiz al-Quran
- D Penentangan oleh golongan murtad

14. *Sistem Hijabah* telah diperkenalkan semasa pemerintahan kerajaan Bani Umayyah.
Apakah tujuan utama sistem ini diperkenalkan ?

- A Menjaga maruah khalifah
- B Menjamin keselamatan khalifah
- C Mengawal tingkah laku khalifah
- D Membantu khalifah dalam pentadbiran

15. Antara berikut, tokoh manakah yang menyokong teori yang mengatakan Islam berkembang ke Asia Tenggara dari Semenanjung Tanah Arab ?

- I John Crawford
- II Snouck Hurgronje
- III Emanuel Gadinho Eredia
- IV Syed Muhammad Naquib al-Attas

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

“Pengislaman Raja Malik al-Salih telah membawa kepada kelahiran sebuah kerajaan Islam yang kuat di Asia Tenggara”

16. Apakah nama kerajaan Islam yang dimaksudkan oleh pernyataan di atas ?

- A Aru
- B Aceh
- C Melaka
- D Pasai

17. Mengapakah gereja pada Zaman Gelap sering dianggap mengongkong kehidupan masyarakat Eropah ?

- A Menekankan ilmu pengetahuan
- B Mengamalkan unsur-unsur animisme
- C Menekankan pembelajaran ilmu akhirat
- D Mempercayai kepada konsep politeisme

- Alat Jethro Tull
- Spinning Jenny

18. Apakah kesan penciptaan mesin-mesin di atas ketika zaman revolusi ?

- I Kesuburan tanah dikekalkan
- II Penjimatan masa
- III Peningkatan hasil pengeluaran
- IV Penjimatan kos pemasaran

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Perjanjian Tordesillas telah ditandatangani pada tahun 1494. Ia bertujuan bagi mengelakkan persaingan antara dua buah negara Eropah untuk mendapatkan tanah jajahan.

19. Apakah nama dua buah negara yang terlibat dalam perjanjian di atas ?

- I Portugal
 - II Sepanyol
 - III Belanda
 - IV England
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

20. Jadual berikut menunjukkan nilai eksport getah Tanah Melayu antara tahun 1929 hingga 1931.

Tahun	Nilai Eksport (Pound Sterling)
1929	50 785 000
1930	28 208 000
1931	13 806 000

Mengapakah nilai eksport getah mengalami kemerosotan ?

- A Kekurangan buruh mahir dari luar
- B Ancaman getah tiruan yang lebih murah
- C Pergantungan kepada pasaran dunia
- D Serangan wabak penyakit getah

21. Maklumat berikut berkenaan sebuah kerajaan pusat yang ditubuhkan oleh Perancis di IndoChina.

- * Persekutuan IndoChina
- * Terdiri daripada Vietnam, Kemboja dan Laos
- * Diketuai Gabenor Jeneral

Apakah nama kerajaan pusat tersebut ?

- A Sistem Encomienda
- B Volksraad
- C Negeri-Negeri Selat
- D Union Indochinoise

22. Apakah yang menyebabkan berlakunya gerakan nasionalisme tahap pertama di Thailand ?
- A Sikap boros Raja Vajiravudh
 - B Cengkaman ekonomi oleh orang Cina
 - C Hasrat penduduk tempatan untuk merdeka
 - D Penyebaran fahaman revolusi di Thailand

23. Mengapakah Rentap menyerang kubu Brooke di Nanga Skrang pada tahun 1853 ?
- A Menentang kezaliman
 - B Menentang cukai baru
 - C Brooke mungkir janji
 - D Menolak pentadbiran Barat

Majalah	Pengarang	Tahun
Pengasuh	Dato' Nik Mohamad	1918

24. Apakah isu yang difokuskan oleh majalah di atas ?
- A Memajukan bahasa dan sastera Melayu
 - B Menggalakkan wanita menjadi obor untuk memajukan bangsa
 - C Menggalakkan kerjasama di kalangan guru-guru Melayu
 - D Membincangkan soal pentafsiran Islam yang progresif
25. Persidangan Damai Paris telah mencapai kesepakatan melalui Deklarasi Empat Belas Perkara Woodrow Wilson.
Apakah dua prinsip yang dicadangkan oleh deklarasi tersebut ?
- I penentuan nasib negara oleh rakyat sendiri
 - II penetapan bentuk pentadbiran negara oleh kuasa besar
 - III pembayaran ganti rugi kuasa besar kepada bekas tanah jajahannya
 - IV prinsip sempadan negara berasaskan bangsa
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
26. Mengikut *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor*, Raja berkuasa memilih Menteri Besar. Siapakah pula yang melantik Naib Menteri Besar ?
- A Menteri Besar
 - B Jemaah Menteri
 - C Majlis Mesyuarat Negeri
 - D Majlis Perundangan Negeri

27. British telah memperkenalkan pentadbiran Malayan Union di Tanah Melayu pada tahun 1946. Apakah muslihat sebenar British memperkenalkan pentadbiran baru ini ?
- A Menyekat pengaruh dan campur tangan luar
 - B Mendapatkan sokongan penduduk tempatan
 - C Menghapuskan negara dan bangsa Melayu
 - D Mengurangkan kemasukan orang dagang

28. Maklumat di bawah adalah berkenaan Dato' Onn Jaafar.

Beliau telah berjaya menyatupadukan orang Melayu untuk bangkit menentang Malayan Union. Beliau juga telah mengasaskan penubuhan UMNO pada tahun 1946. Beliau kemudiannya dilantik menjadi Presiden UMNO yang pertama. Pada tahun 1951 beliau mengambil tindakan keluar daripada UMNO.

Apakah yang menyebabkan beliau mengambil tindakan keluar daripada UMNO ?

- A Ahli UMNO menolak kepimpinan beliau dalam parti
 - B Beliau tewas dalam proses pemilihan pemimpin tertinggi parti
 - C Mengurangkan tekanan dan ancaman daripada Parti Komunis Malaya
 - D Cadangan untuk membuka keahlian UMNO kepada bukan Melayu ditolak
29. Jadual berikut berkaitan dengan Sistem Ahli yang diperkenalkan di Tanah Melayu pada tahun 1951.

Nama Ahli	Portfolio
Dato' Onn Jaafar	Ahli Dalam Negeri
O.A Spencer	Ahli Ekonomi
Dato' E.E.C Thuraisingam	X

Apakah portfolio **X** ?

- A Ahli Pelajaran
 - B Ahli Pertanian dan Perhutanan
 - C Ahli Perumahan dan Kerja Raya
 - D Ahli Perindustrian dan Hubungan Sosial.
30. Mengapakah Lee Kuan Yew sangat bimbang dengan kemenangan Parti Barisan Sosialis dalam pilihan raya Hong Lim di Singapura pada bulan April 1961 ?
- A Kuasa British bertambah kukuh
 - B Perpaduan kaum akan terjejas
 - C Proses kemerdekaan akan terganggu
 - D Kemajuan ekonomi akan terbantut

31. Maklumat di bawah berkenaan sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan pada bulan Ogos tahun 1962.

Bertanggungjawab mengkaji dan memuatkan Tuntutan 20 Perkara ke dalam Perlembagaan Malaysia.

Apakah nama jawatankuasa tersebut ?

- A Jawatankuasa Antara Kerajaan
 - B Jawatankuasa Antara Kaum
 - C Jawatankuasa Tuntutan 20 Perkara
 - D Jawatankuasa Perunding Perpaduan Kaum
32. Apakah alasan Presiden Macapagal bagi menyokong tuntutannya ke atas Sabah ?
- A Sistem pentadbiran Sabah sama dengan Filipina
 - B Persamaan dalam aspek sejarah antara Sabah dan Filipina
 - C Sabah merupakan sebahagian daripada Kesultanan Sulu
 - D Sabah belum bersedia untuk merdeka

Badan Kehakiman



Badan Perundangan

33. Apakah perkaitan antara kedua-dua badan di atas ?
- A Badan kehakiman melaksanakan undang-undang yang digubal oleh badan perundangan
 - B Badan perundangan akan merujuk kepada badan kehakiman jika undang-undang dibatalkan
 - C Badan perundangan akan merujuk kepada badan kehakiman sebelum menggubal undang-undang
 - D Badan kehakiman menentukan kesahihan undang-undang yang digubal oleh badan perundangan
34. Maklumat berikut berkenaan proses dalam pilihan raya di negara kita.

Sebelum proses pengundian dijalankan, calon daripada pelbagai parti yang bertanding dibenarkan berkempen.

Berapa lamakah tempoh berkempen yang dibenarkan ?

- A Antara tujuh hingga lima belas hari sahaja
- B Antara tujuh hingga dua puluh hari sahaja
- C Antara sepuluh hingga dua puluh lima hari sahaja
- D Tidak melebihi tiga puluh hari

Sejak tahun 1957, Perlembagaan Malaysia telah dipinda beberapa kali. Antara akta yang telah diluluskan pindaannya ialah Akta Hasutan 1970.

35. Mengapakah akta tersebut dimaktubkan di dalam Perlembagaan Malaysia ?
- A Mengukuhkan pemerintahan beraja
 - B Memelihara keamanan dan keselamatan
 - C Melicinkan pentadbiran negara
 - D Menjaga kesucian agama Islam

Pak Abu merupakan seorang pengusaha tanaman rambutan di kawasan pedalaman di Perak. Dia menghadapi masalah untuk memasarkan hasil pertaniannya.

36. Agensi manakah yang sepatutnya dihubungi oleh Pak Abu ?
- A RISDA
 - B MARDI
 - C MARA
 - D FAMA

37. Gambar rajah di bawah berkenaan Rancangan Pembangunan Lima Tahun di negara kita.

Rancangan Malaya Pertama (1956 – 1960)



Mengurangkan jurang perbezaan pendapatan antara bandar dengan luar bandar

Bagaimanakah matlamat tersebut dicapai ?

- A Membuka tanah baru untuk pertanian
 - B Memindahkan penduduk ke bandar
 - C Memperkenalkan Rancangan Buku Merah
 - D Menubuhkan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI)
38. Maklumat berikut adalah berkenaan perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh pihak-pihak yang terlibat di dalam Perang Dunia Pertama.


Selepas tamat Perang Dunia Pertama, Pakatan Bertiga membelanjakan US\$125bilion, manakala Perikatan Kuasa Tengah membelanjakan US\$60 bilion.

Apakah implikasi daripada perkara di atas ?

- A Berlakunya aktiviti penjajahan
- B Perjanjian perdagangan ditandatangani
- C Berlakunya inflasi dan pengangguran
- D Perdagangan luar meningkat

39. Pada tahun 1989, Mesyuarat CHOGM telah diadakan di negara kita. Mesyuarat ini telah mengisytiharkan Deklarasi Langkawi.
Apakah rangka kandungan deklarasi tersebut ?

- A Tanggungjawab bersama menentang keganasan
- B Tanggungjawab bersama menyelesaikan konflik dunia
- C Tanggungjawab bersama menyelesaikan isu perairan
- D Tanggungjawab bersama mengatasi pencemaran



40. Malaysia menentang keras amalan **Dasar Q**.
Apakah **Dasar Q**?

- A Dasar kolonisasi
- B Dasar apartheid
- C Dasar sosialis
- D Dasar neokolonialisme

KERTAS SOALAN TAMAT

1249/2
Sejarah
Kertas 2
Ogos
2 jam 30 minit

**PEPERIKSAAN PRASPM
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH
2013**

SEJARAH

Kertas 2

2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B**.

2. Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan **tiga** soalan daripada **Bahagian B**.

3. Jawapan **Bahagian A** hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan.

4. Jawapan **Bahagian B** hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.

5. Kertas soalan ini hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama dengan kertas jawapan **Bahagian B**.


<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>		
Nama Pemeriksa		
Bahagian	Soalan	Markah
A	1	
	2	
	3	
	4	
B	5	
	6	
	7	
	8	
	9	
	10	
	11	
Jumlah		

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak

Negeri Sembilan SPM 2013
<http://edu.joshuatly.com/>

Bahagian A
[40 markah]
Jawab *semua* soalan

1. Rajah di bawah merujuk kepada aspek peningkatan dalam Tamadun China.



(a) Nyatakan dua sumbangan Tamadun China dalam bidang seni bina kepada peradaban dunia.

(i)

(ii) [2 markah]

(b) Senaraikan tiga sumbangan Tamadun China di dalam bidang pertanian.

(i)

(ii)

(iii) [3 markah]

(c) Berikan dua sumber falsafah yang terdapat dalam Tamadun China.

(i)

(ii) [2 markah]

(d) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah iktibar yang boleh diperolehi daripada kemajuan Tamadun China dalam pelbagai aspek ini ?

(i)

(ii)

(iii) [3 markah]

2. Khalifah Abu Bakar Al-Siddiq merupakan khalifah yang pertama dalam pemerintahan Khulafa Al Rasyidin.

(a) Mengapakah Khalifah Abu Bakar digelar al-Siddiq ?

- (i)
- (ii) [2 markah]

(b) Senaraikan dua sifat peribadi Khalifah Abu Bakar al-Siddiq.

- (i)
- (ii) [2 markah]

(c) Nyatakan cabaran yang dihadapi Khalifah Abu Bakar di awal pemerintahannya.

- (i)
- (ii)
- (iii) [3 markah]

(d) Pada pandangan anda, mengapakah Khalifah Abu Bakar digelar *Penyelamat Umat Islam* ?

- (i)
- (ii)
- (iii) [3 markah]

3. Pada umumnya, sistem pemerintahan negeri-negeri Melayu adalah berdasarkan sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka kecuali Kelantan dan Negeri Sembilan.

(a) Terangkan Sistem Jemaah Menteri yang terdapat di Kelantan.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Senaraikan dua jawatan yang terdapat dalam Sistem Jemaah Menteri di Kelantan.

(i)

(ii)

[2 markah]

(c) Jelaskan sistem pemerintahan di Negeri Sembilan yang mengamalkan Adat Perpatih.

(i)

(ii)

(iii).....

[3 markah]

(d) Pada pandangan anda, apakah kepentingan undang-undang dalam sesebuah negara ?

(i)

(ii)

(iii).....

[3 markah]

4.

Pilihan raya merupakan salah satu ciri terpenting dalam sistem demokrasi berparlimen di Malaysia. Pilihan raya ialah suatu proses memilih wakil rakyat untuk memerintah sama ada pada peringkat negeri mahupun persekutuan.

(a) Senaraikan dua peranan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Senaraikan syarat-syarat untuk menjadi calon pilihan raya dan pengundi.

Calon Pilihan Raya

(i)

(ii)

[2 markah]

Pengundi

(i)

(ii)

[2 markah]

(c) Mengapakah pilihan raya kecil diadakan ?

(i)

(ii)

[2 markah]

(d) Pada pandangan anda, apakah kepentingan pilihan raya kepada negara kita ?

(i)

(ii)

[2 markah]

Bahagian B

[60 markah]

Jawab *tiga* soalan sahaja

5. Peristiwa pembukaan semula kota Makkah oleh Nabi Muhammad s.a.w telah berlaku pada tahun 630M bersamaan 8 Hijrah.
- a) Huraikan faktor-faktor pembukaan semula kota Makkah. [8 markah]
- b) Jelaskan kepentingan pembukaan semula kota Makkah. [6 markah]
- c) Pada pandangan anda, apakah iktibar yang boleh dipelajari daripada peristiwa pembukaan semula kota Makkah kepada masyarakat Malaysia ? [6 markah]
6. Kedatangan agama Islam ke Tanah Melayu telah memperkenalkan beberapa unsur baru dalam amalan pentadbiran dan pemerintahan, ekonomi dan sosiobudaya.
- a) Huraikan kesan kedatangan agama Islam dalam aspek pentadbiran. [7 markah]
- b) Jelaskan pengaruh Islam terhadap aspek bahasa dan kesusasteraan. [7 markah]
- c) Pada pendapat anda, bagaimanakah pengaruh Islam berjaya mewujudkan masyarakat Melayu tradisional yang harmoni ? [6 markah]
7. Selepas kejatuhan tamadun Rom, Eropah telah mengalami zaman kemunduran yang dikenali sebagai Zaman Gelap.
- a) Apakah yang dimaksudkan dengan Zaman Gelap? [4 markah]
- b) Jelaskan ciri-ciri Zaman Gelap. [10 markah]
- c) Sekiranya anda seorang pemimpin Malaysia, apakah tindakan anda bagi menghindari kemunduran dalam negara kita ? [6 markah]

8. Pernyataan berikut berkaitan dengan gerakan nasionalisme sehingga Perang Dunia Kedua.

Gerakan-gerakan nasionalisme yang berlaku di Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak telah menyedarkan orang Melayu dalam aspek politik, ekonomi dan sosial.

- a) Jelaskan usaha-usaha Kaum Muda untuk meningkatkan minda bangsa melalui Gerakan Islam. [7 markah]
- b) Terangkan isu-isu sosial dan pendidikan yang dibangkitkan menerusi akhbar-akhbar pada tahun 1930-an bagi menyedarkan dan memajukan orang Melayu. [8 markah]
- c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah akhbar amat berkesan dalam meniupkan semangat kebangsaan? [5 markah]

9.

Tarikh	Tempat	Peristiwa
Julai 1950	King's House	Perundingan antara British dengan wakil penduduk Tanah Melayu membawa kepada pembentukan Sistem Ahli

- a) Terangkan latar belakang pembentukan Sistem Ahli. [5 markah]
- b) Kemukakan ciri-ciri Sistem Ahli. [10 markah]
- c) Nyatakan kepentingan Sistem Ahli kepada negara kita. [5 markah]
10. Cadangan penubuhan Gagasan Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman pada 27 Mei 1961 telah mendapat pelbagai reaksi daripada penduduk setempat dan negara serantau.
- a) Jelaskan cadangan-cadangan yang dikemukakan ke arah pembentukan Malaysia. [10 markah]
- b) Terangkan reaksi Brunei terhadap pembentukan Malaysia. [6 markah]
- c) Pada pendapat anda, mengapakah pembentukan Malaysia banyak memberi manfaat kepada pelbagai pihak? [4 markah]

Nama Pertubuhan	Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN)
Tarikh Penubuhan	8 Ogos 1967
Asas Penubuhan	Deklarasi Bangkok

11. *a)* Nyatakan matlamat penubuhan ASEAN. [7 markah]
- b)* Jelaskan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh ASEAN. [8 markah]
- c)* Pada pendapat anda, mengapakah negara kita sentiasa mementingkan hubungan yang baik dengan negara-negara lain ? [5 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

1249/3
Sejarah
Kertas 3
Ogos
3 jam

**PEPERIKSAAN PRASPM
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH
2013**

SEJARAH

Kertas 3

3 jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi 8 soalan.
2. Jawab *semua* soalan.
3. Sila jawab pada kertas jawapan yang disediakan.
4. Kertas soalan ini hendaklah **diikat** dan dihantar bersama-sama dengan kertas jawapan.

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>	
Nama Pemeriksa	
No.Soalan	Markah
1	
2	
3	
4	
5	
6	
7	
8	
Jumlah	

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak

Tajuk 9.2 : DASAR BRITISH DAN KESANNYA TERHADAP EKONOMI NEGARA**Tema/Tajuk : 9.2 Bab 10 Tingkatan 4**

Soalan : Kegiatan ekonomi di Tanah Melayu telah berkembang pesat sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Jelaskan perkembangan sistem ekonomi di Tanah Melayu sehingga ke hari ini.

Peringatan :

Calon hendaklah menjawab berdasarkan kerangka jawapan di bawah.

Format	Aspek	Perincian	Markah Penuh
Pengenalan	Memahami kehendak tugas soal.	1. Pengenalan Jelaskan maksud ekonomi tradisional dan ekonomi dagangan.	5 Markah
Isi dan Huraian	Memahami ciri-ciri ekonomi tradisional dan ekonomi dagangan.	2. Ciri-ciri ekonomi tradisional dan ekonomi dagangan: Terangkan ciri-ciri ekonomi Tanah Melayu semasa pemerintahan British. i. Ekonomi tradisional (10 markah) ii. Ekonomi dagangan (20 markah)	30 Markah
	Menganalisis sebab dan kejayaan British memperkenalkan ekonomi dagangan.	3. Usaha-usaha British memperkenalkan ekonomi dagangan. Terangkan usaha-usaha British memperkenalkan ekonomi dagangan.	15 Markah
	Mengaplikasikan sistem ekonomi dagangan terhadap pembangunan ekonomi negara.	4. Langkah-langkah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berdaya saing dalam bidang ekonomi antarabangsa. Cadangkan langkah-langkah untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berdaya saing dalam bidang ekonomi antarabangsa.	15 Markah

	Menilai kejayaan Malaysia dalam ekonomi antarabangsa.	<p>5. Kejayaan Malaysia dalam kegiatan ekonomi antarabangsa.</p> <p>Berdasarkan pengetahuan anda, jelaskan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh negara kita dalam kegiatan ekonomi di peringkat antarabangsa.</p>	10 Markah
	Mencipta/ menjana idea usaha-usaha Malaysia ke arah menghadapi cabaran di abad ke 21 bagi menjamin kemakmuran negara.	<p>6. Cabaran dan langkah menghadapi abad ke-21.</p> <p>Jelaskan cabaran yang dihadapi oleh Malaysia pada abad ke-21 bagi menjamin kemakmuran negara. (5 markah)</p> <p>Nyatakan langkah-langkah untuk mengatasi cabaran di atas. (5 markah)</p>	10 Markah
	Menghayati nilai-nilai murni/ iktibar/ patriotisme daripada perkembangan ekonomi negara kita.	<p>7. Penerapan nilai-nilai murni/iktibar/ patriotisme daripada perkembangan ekonomi negara kita.</p> <p>Nyatakan nilai-nilai murni atau iktibar yang diperolehi daripada perkembangan ekonomi negara.</p>	10 Markah
Kesimpulan	Merumus secara keseluruhan isi yang telah dibincangkan.	<p>8. Rumusan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengetahuan yang diperolehi. • Iktibar kepada diri, bangsa dan negara. • Harapan untuk masa depan ekonomi Malaysia yang lebih cemerlang. 	5 Markah

KERTAS SOALAN TAMAT

1249/1
Sejarah
Kertas 1
Ogos
Peraturan Pemarkahan

**PEPERIKSAAN PRASPM
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH
2013**

PERATURAN PEMARKAHAN

SEJARAH

Kertas 1

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 2 halaman bercetak

**PERATURAN PEMARKAHAN
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2013
1249/1 SEJARAH
KERTAS 1**

No.	Jawapan	Ting	Bab	M/S
1	C	4	1	32
2	B	4	1	22
3	A	4	1	24
4	C	4	2	38,43
5	D	4	2	45
6	A	4	2	56
7	B	4	3	83
8	C	4	3	77
9	D	4	4	100
10	A	4	4	102
11	A	4	5	120
12	D	4	5	132
13	C	4	6	145
14	B	4	6	151
15	B	4	7	175
16	D	4	7	180
17	C	4	9	216
18	C	4	9	229
19	A	4	9	224
20	C	4	10	250

No.	Jawapan	Ting	Bab	M/S
21	D	5	1	11
22	A	5	1	22
23	A	5	2	34
24	D	5	2	52
25	B	5	3	68
26	B	5	3	80
27	C	5	4	95
28	D	5	5	120
29	A	5	5	119
30	C	5	6	139
31	A	5	6	144
32	C	5	6	148
33	D	5	7	174
34	A	5	7	180
35	B	5	7	165
36	D	5	8	200
37	A	5	8	198
38	C	5	9	231
39	D	5	9	244
40	B	5	9	250

*RUMUSAN : A = 11 B = 8 C = 11 D = 10

SULIT

1249/2

**1249/2
Sejarah
Kertas 2
Ogos
Peraturan Pemarkahan**

**PEPERIKSAAN PRASPM
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH
2013**

PERATURAN PEMARKAHAN

SEJARAH

Kertas 2

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 18 halaman bercetak

SULIT

1249/2

Soalan		Butiran	Markah
1(a)		Nyatakan dua sumbangan Tamadun China dalam bidang seni bina kepada peradaban dunia (2m)	
	F1	Tembok Besar China	1
	F2	Pagoda/bentuk oktagon/segi empat sama/15 tingkat	1
	F3	Kuil yang besar	1
	F4	Tembok batu	1
	F5	Pintu gerbang	1
	F6	Parit yang besar	1
	F7	Menara	1
	F8	Istana Maharaja/Kota Larangan	1
	F9	Dewan	1
	F10	Taman	1
		(Mana-mana 2 x 1)	[2m]
1(b)		Senaraikan tiga sumbangan Tamadun China di dalam bidang pertanian (3m)	
	F1	Pengenalan tenggala	1
	F2	Penggunaan kolar kuda	1
	F3	Penciptaan alatan pertanian diperbuat daripada besi	1
	F4	Sistem penanaman secara bergilir	1
	F5	Kawasan bukit telah diteres	1
	F6	Pembinaan sistem pengairan	1
	F7	Pembinaan terusan	1
	F8	Penciptaan cangkul	1
	F9	Penciptaan sabit	1
	F10	Penggunaan batas	1
		(Mana-mana 3 x 1)	[3m]
1(c)		Berikan dua sumber falsafah yang terdapat dalam Tamadun China (2m)	
	F1	Kung-fu Tze/Confucius	1
	F2	Lao Tze	1
	F3	Taoisme	1
	F4	Mo Tzu	1
		(Mana-mana 2 x 1)	[2m]
1 (d)		Iktibar yang boleh diperolehi daripada kemajuan Tamadun China dalam pelbagai aspek (3m)	
	F1	Mementingkan ilmu pengetahuan	1
	F2	Bersikap kreatif	1

SULIT

1249/2

F3	Bersikap inovatif/menghasilkan ciptaan baru	1
F4	Gigih	1
F5	Rajin	1
F6	Menguasai pelbagai kemahiran	1
M	(mana-mana jawapan munasabah)	1
(Mana-mana 3 x 1)		[3m]

Soalan		Butiran	Markah
2(a)		Mengapakah Saidina Abu Bakar digelar al-Siddiq ? (2m)	
	F1	Bermaksud yang membenarkan	1
	F2	Sentiasa menyakini	1
	F3	Membenarkan kata-kata Nabi Muhammad s.a.w	1
		(Mana-mana 2 x 1)	[2m]
2(b)		Senaraikan dua sifat peribadi Saidina Abu Bakar al-Siddiq (2m)	
	F1	Ikhlas	1
	F2	Jujur	1
	F3	Setia kepada Nabi Muhammad s.a.w	1
		(Mana-mana 2 x 1)	[2m]
2(c)		Nyatakan cabaran yang dihadapi Saidina Abu Bakar diawal pemerintahannya (3m)	
	F1	Perpecahan melanda masyarakat Islam	1
	F2	Wujud golongan Islam yang murtad	1
	F3	Golongan al-Riddah yang menyalahafsirkan Al-Quran	1
	F4	Ancaman kuasa luar iaitu kerajaan Parsi di sebelah Timur/Kerajaan Rom Timur di sebelah Barat	1
		(Mana-mana 3 x 1)	[3m]
2(d)		Pada pandangan anda, mengapakah Saidina Abu Bakar digelar "Penyelamat Umat Islam"? (3m)	
	F1	Mengatasi perpecahan yang melanda umat Islam	1
	F2	Mempertahankan Madinah dari ancaman luar	1
	F3	Mengumpulkan tulisan al-Quran	1
	F4	Mengarahkan Zaid bin Thabit supaya menghimpunkan tulisan ayat al-Quran	1
		(Mana-mana 3 x 1)	[3m]

SULIT

1249/2

Soalan		Butiran	Markah
3(a)		Terangkan sistem Jemaah Menteri yang terdapat di Kelantan (2m)	
	F1	Terdapat 8 badan Jemaah Menteri	1
	F2	Setiap satu jemaah dianggotai oleh 4 orang pembesar	1
	F3	Setiap Jemaah Menteri mempunyai tugas masing-masing	1
	F4	Menyebabkan Kelantan mempunyai sistem pentadbiran dan pemerintahan yang mantap (Mana-mana 2 x 1)	1 [2m]
3(b)		Senaraikan dua jawatan yang terdapat dalam Sistem Jemaah Menteri di Kelantan (2m)	
	F1	Jemaah Penasihat Raja	1
	F2	Jemaah Menteri Istana	1
	F3	Jemaah Menteri Keadilan dan Kehakiman	1
	F4	Jemaah Menteri Dalam Negeri	1
	F5	Jemaah Menteri Luar	1
	F6	Jemaah Menteri Perbendaharaan	1
	F7	Jemaah Menteri Peperangan	1
	F8	Jemaah Menteri Pentadbiran dan Pengimaran Negeri (Mana-mana 2 x 1)	1 [2m]
3(c)		Apakah ciri-ciri pemerintahan di Negeri Sembilan yang mengamalkan Adat Perpatih ? (3m)	
	F1	Musyawaharah	1
	H1a	merupakan asas kepada pentadbiran	1
	H1b	asas penyelesaian masalah	1
	H1c	dihadiri oleh perwakilan semua suku	1
	F2	Terdapat 12 suku	1
	H2a	contohnya anak Aceh/Anak Melaka/Batu Belang/Batu Hampar/Biduanda/Mungkal/Paya Kumbuh/Seri Lemak/Seri Melenggang/Tanah Datar/Tiga Batu/Tiga Nenek	1
	F3	Setiap suku dianggap keluarga yang besar	1
	F4	Setiap ahli suku tidak dibenarkan kahwin sama suku	1
	F5	Setiap suku mempunyai ketua adat	1
	H5a	bergelar lembaga	1
	F6	Anak buah melantik Buapak	1
	F7	Buapak melantik Lembaga	1

SULIT

1249/2

	F8	Lembaga melantik Undang	1
	F9	Undang melantik Yang Dipertuan Besar	1
	F10	bersifat matrilineal	1
	F11	Nasab keturunan lebih mengutamakan keturunan ibu	1
	F12	anak perempuan diberi hak mewarisi harta	1
		(Mana-mana 3 x 1)	[3m]
3 (d)		Pada pandangan anda, apakah kepentingan undang-undang dalam sesebuah negara ? (3m)	
	F1	Menjamin keamanan negara	1
	F2	Mengekalkan perpaduan kaum	1
	F3	Mengawal tingkah laku masyarakat	1
	F4	Perjalanan kehidupan masyarakat menjadi lebih tersusun	1
	F5	Menjamin keharmonian masyarakat	1
	F6	Menjadi panduan kerajaan menjalankan pemerintahan negara	1
	M	(Mana-mana jawapan munasabah)	1
		(Mana-mana 3 x 1)	[3m]

Soalan		Butiran	Markah
4 (a)		Senaraikan dua peranan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) (2m)	
	F1	Menentukan sempadan bahagian-bahagian pilihan raya	1
	F2	Menjalankan pendaftaran pemilih	1
	F3	Mengendalikan pilihan raya umum	1
	F4	Mengendalikan pilihan raya kecil	1
		(Mana-mana 2 x 1)	[2m]
4 (b)		Senaraikan syarat-syarat untuk menjadi calon pilihan raya dan pengundi (4m)	
		<u>Calon Pilihan Raya</u>	
	F1	Warganegara Malaysia	1
	F2	Berumur 21 tahun	1
	F3	Bermastautin di Malaysia	1
	F4	Sempurna akal	1
	F5	Bukan orang yang muflis	1
	F6	Tidak memegang jawatan dalam perkhidmatan awam	1
	F7	Tidak disabitkan dengan sesuatu kesalahan jenayah	1
	F8	Bertanding atas nama parti atau calon bebas	1
	F9	Mengemukakan kertas penamaan calon pada hari penamaan calon	1

SULIT

1249/2

	F10	<u>Pengundi</u>	
	F11	Didaftarkan dalam Senarai Daftar Pemilih	1
	F12	Warganegara Malaysia	1
	F13	Berumur 21 tahun	1
	F14	Bermastautin atau tidak bermastautin	1
	F15	Tinggal di mana-mana kawasan pilihan raya Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri	1
	F16	Mengundi dalam sebuah kawasan pilihan raya sahaja	1
		Anggota keselamatan, pelajar di luar negara dan pegawai kerajaan yang bertugas di luar negara mengundi melalui pos	1
		(Mana-mana 4 x 1)	[4m]
4 (c)		Mengapakah pilihan raya kecil diadakan ? (2m)	
	F1	Berlaku kekosongan kerusi kawasan Parlimen	1
	F2	Berlaku kekosongan kerusi kawasan Dewan Undangan Negeri	1
	F3	Kematian wakil rakyat	1
	F4	Perletakan jawatan wakil rakyat	1
	F5	Perlucutan jawatan wakil rakyat	1
		(Mana-mana 2 x 1)	[2m]
4 (d)		Pada pandangan anda, apakah kepentingan pilihan raya kepada negara kita ? (2m)	
	F1	Melaksanakan sistem demokrasi	1
	F2	Rakyat dilibatkan dalam pemilihan pemimpin negara	1
	F3	Menentukan bentuk kerajaan	1
	F4	Menjamin kestabilan politik negara	1
	F5	Menjamin pembentukan sebuah kerajaan yang cekap	1
	F6	Menjamin pelaburan negara	1
	F7	Menjamin kestabilan ekonomi negara	1
	M	(mana-mana jawapan munasabah)	1
		(Mana-mana 2 x 1)	[2m]

Soalan		Butiran	Markah
5 (a)		Huraikan faktor-faktor pembukaan semula Kota Makkah (8m)	
	F1	Tempat kelahiran Nabi Muhammad s.a.w	1
	F2	Tempat lahirnya agama Islam	1
	F3	Orang Arab Quraisy melanggar Perjanjian Hudaibiyah	1
	F4	Orang Arab Quraisy tidak menghormati hak kebebasan yang dipersetujui bersama	1
	F5	Orang Arab Quraisy membunuh beberapa orang Bani Khuza'ah yang berpihak kepada orang Islam	1

SULIT

1249/2

	F6	Strategi jangka panjang menyebarkan Islam	1
	F7	Nabi Muhammad s.a.w ingin memantapkan kerajaan Islam di Madinah	1
	F8	Nabi Muhammad berpegang pada prinsip aman tanpa kekerasan	1
	F9	Orang Arab Quraisy takut dengan kekuatan tentera Islam	1
	F10	Pengislaman Abu Sufian/Abbas	1
	F11	Pemimpin Arab Quraisy menyedari kepalsuan perjuangan mereka	1
	F12	Strategi peperangan yang berkesan	1
	F13	Nabi Muhammad s.a.w menyediakan empat pasukan tentera terdiri daripada 10 000 orang	1
	F14	Empat pasukan dipimpin oleh Khalid al Walid/Abu Ubaidah al Jarrah /Saad bin Ubadah /Zubair al Awwam	1
	F15	Pasukan tentera Islam memasuki Kota Makkah menerusi empat arah berlainan/utara/selatan/ barat/barat daya	1
	F16	Semangat ketakwaan dan keyakinan tentera Islam	1
	F17	Orang Islam tidak mendapat apa-apa rintangan yang besar	1
	F18	Nabi Muhammad s.a.w memberi jaminan keselamatan kepada orang Arab Quraisy yang berperang	1
		(Mana-mana 8 x 1)	[8m]
